

Isu-Isu Dalam Pengurusan dan Pelaporan Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia

Abdullah Abdul Ghani *

Rohami Shafie

Md. Suhaimi Md. Saleh

Faisol Elham

Muhammad Hanif Abdul Kadir

Mohamad Sharofi Haji Ismail

Fathilatul Zakimi Abdul Hamid

Nasri Naiimi

Zaleha Othman

Universiti Utara Malaysia

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v07.01.04.0048>

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan pelaporan kewangan bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Kajian ini telah dijalankan berikutan terdapat kajian yang terhad dalam mengupas isu-isu tersebut di Malaysia. Dapatan kajian diperoleh melalui kaedah penyelidikan dokumentasi dengan menggunakan laporan kewangan institusi utama yang menguruskan wakaf, zakat dan baitulmal di empat buah negeri yang terpilih. Di samping itu, kaedah temubual juga telah dijalankan dengan menemubual pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengurusan dan penyediaan laporan kewangan institusi berkenaan iaitu wakil pengurusan dan akauntan di setiap Majlis Agama Islam Negeri. Dapatan kajian menunjukkan terdapat isu-isu penting yang menghadkan penyediaan laporan kewangan yang memenuhi keperluan syariah. Ia termasuk perbezaan model tadbir urus, perbezaan amalan perakaunan dan pelaporan, isu pendedahan serta penilaian semula aset. Pengenalpastian isu-isu ini boleh menjadi platform untuk mencari penyelesaian terbaik dan kajian pada masa hadapan, bagi merungkai isu-isu ini secara terperinci ia memerlukan perbincangan lanjut dengan pihak berkuasa agama Islam dan pakar dalam bidang perakaunan serta syariah Islam. Ini akan dapat membantu institusi wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengemaskini sistem tadbir urus serta memperbaiki tatacara pelaporan kewangan dan perakaunan agar ia dapat menepati keperluan syarak bagi kesejahteraan umat di Malaysia.

Kata kunci: Wakaf, zakat, baitulmal, perakaunan Islam, tadbir urus.

ABSTRACT

The purpose of the study is to examine pertinent issues related to the management accounting and financial reporting for waqf, zakat and baitulmal institution. The study has been carried out because very limited studies that elaborate these issues in Malaysia. The findings were collected from documentation research method using the annual reports of main institutions that manage waqf, zakah and baitulmal in four selected states. In addition, the interview method has been carried out by interviewing the parties directly related to management activities and preparing financial reporting of those institutions which are the accountants for each Majlis Agama Islam Negeri. The findings reveal that there are important issues that restrict the preparation of financial reporting that comply with the syariah requirement. The findings could be used as a platform to find a best solution in a practical manner. In investigating these issues in future, it requires further discussion with Islamic authorities and experts in accounting and syariah. This will help the waqf, zakah and baitulmal institutions in updating their governance system and also improve the procedures of financial reporting and accounting so that it will meet syariah requirement for betterment of ummah in Malaysia.

Keywords: *waqf, zakah, baitulmal*, Islamic accounting, governance.

*The corresponding author is a Professor at Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia. This article reports part of the findings of research project funded by the Accountant General's Department of Malaysia.

PENGENALAN

Isu mengenai pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal sedang menjadi perhatian banyak pihak pada masa kini. Di Malaysia, senario ini terjadi kerana Agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan dan majoriti daripada penduduk Malaysia adalah beragama Islam. Selain itu, terdapat peningkatan kesedaran di kalangan umat Islam di negara ini terhadap peranan institusi-institusi yang berkaitan dalam menyumbang ke arah kesejahteraan umat. Sementara itu, penyata kewangan merupakan medium utama yang dapat menyalurkan maklumat aktiviti dan transaksi insitituti-institusi berkenaan. Selaras dengan kepentingan penyata kewangan kepada sesebuah institusi, kebanyakan isu yang menjadi topik hangat dalam perbincangan khususnya oleh para penyelidik, pengurusan tertinggi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Lembaga Zakat Negeri, pemegang taruh dan secara amnya oleh umat Islam seluruhnya, adalah melibatkan tadbir urus, perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi yang terlibat. Misalnya, Ahmad Fathi, Hairunnizam & Mohd Ali (2017) menyatakan beberapa isu negatif timbul melibatkan kecekapan MAIN. Mereka mendapati bahawa, ketidakpercayaan terhadap institusi zakat oleh masyarakat adalah kerana pengurusan kewangannya (Ahmad Fathi *et al.*, 2017).

Dalam konteks Malaysia, pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal ditadbir urus oleh institusi-institusi yang diberi kuasa sama ada kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan. Institusi- intituti perlu memastikan urusan kutipan, pengagihan dan pentadbiran dana atau harta yang dipertanggungjawabkan oleh penyumbang berjalan lancar demi ekonomi dan kesejahteraan umat Islam. Dalam hal ini, gambaran sebenar mengenai isu-isu melibatkan aspek tadbir urus dan pengurusan kewangan serta perakaunan bagi institusi-institusi yang berkaitan amat diperlukan oleh pihak berkepentingan bagi membolehkan segala isu tersebut dapat disantuni dengan cara yang paling ampuh. Namun demikian, kajian ini mendapati bahawa tidak banyak kajian yang telah dijalankan mengenai isu-isu berkenaan meskipun ketiga-tiga aspek penting ekonomi Islam ini (iaitu wakaf, zakat dan baitulmal) telah terbukti memberi kesan langsung terhadap kehidupan seharian umat Islam (ketiga-tiga jenis transaksi ekonomi Islam ini dipercayai sedang dan akan terus membantu memacu kesejahteraan ekonomi umat Islam terutama di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam). Secara khususnya, kajian ke atas institusi wakaf, zakat dan baitulmal adalah sangat terhad terutamanya di Malaysia. Kebanyakan kajian sebelum ini telah memberi tumpuan kepada isu-isu tadbir urus dan pengurusan pelaporan di institusi konvensional. Sehubungan itu, makalah ini akan mengenalpasti dan membincangkan secara terperinci isu-isu berkaitan dengan tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan bagi wakaf, zakat dan baitulmal yang mana cukup penting bagi umat Islam Malaysia.

Bagi maksud tersebut, kajian ini akan memahami amalan semasa institusi-institusi utama yang terlibat dengan pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia iaitu di empat buah MAIN yang terpilih. Pemfokusan kepada keempat-empat buah MAIN berkenaan akan membantu kajian dalam mengenalpasti isu-isu penting dalam tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan di institusi- institusi berkenaan. Diharapkan melalui dapatan kajian ini, tindakan susulan dapat dilakukan dalam menangani isu-isu terpilih yang mungkin tidak selari dengan kehendak Islam yang akhirnya boleh memudaratkan keadilan sosial sebagaimana yang ditetapkan oleh syariah.

Bahagian seterusnya menjelaskan tentang sorotan karya dan diikuti dengan kaedah penyelidikan. Ini disusuli dengan dapatan kajian dan perbincangan yang meliputi perbezaan struktur dan model tadbir urus, perbezaan dalam perakaunan dan pelaporan kewangan, isu pendedahan dan penilaian semula aset. Bahagian akhir menyimpulkan kajian ini.

SOROTAN KARYA

Kajian sedia ada yang membincangkan isu-isu wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia secara terperinci adalah amat terhad. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Eza Ellany, Mohd Rizal & Radiah (2014) bahawa betapa kurangnya kajian terhadap prestasi kecekapan institusi zakat. Lebih-lebih lagi melibatkan aspek tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan Islam. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana kesukaran untuk mendapatkan ilmuwan yang pakar dalam ketiga-tiga bidang iaitu; tadbir urus, perakaunan dan agama Islam yang boleh membincangkan isu-isu wakaf, zakat dan baitulmal dengan sebaik mungkin dalam ruang lingkup berkenaan. Isu ini adalah selari dengan isu yang pernah ditimbulkan oleh Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, Maybank Islamic, Ustaz Muhd Ramadhan Fitri Elias bahawa institusi kewangan Islam tagih tenaga pakar (Muhd. Ramadhan Fitri, 2015).

Kebanyakan kajian berkaitan tadbir urus di institusi yang terlibat adalah tertumpu kepada urusan kutipan dan agihan zakat sahaja. Antara lain kajian yang telah dijalankan di Malaysia oleh Hairunnizam, Sanep & Radiah (2009), Kaslam (2009), Sanep (2010) dan Mahyuddin (2012). Kajian-kajian ini membincangkan isu zakat terutamanya melibatkan agihan zakat dan

tadbir urus zakat. Di peringkat global pula, Kenneth, (2007) telah melaksanakan kajian mengenai kawalan kerajaan terhadap agihan dana zakat dan lain-lain di Thailand. Sementara itu, Arif (2006) telah mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi halangan dana zakat sebagai ejen membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penerima zakat di Pakistan. Bagi pengurusan baitulmal pula, kajian mengenainya pernah dilakukan oleh Possumah dan Abdul Ghafar (2012). Melalui kajian berkenaan, mereka telah melihat tentang batasan perundangan dalam mengurus harta-harta baitulmal di Malaysia. Dalam hal ini, mereka telah menyatakan dengan jelas bahawa Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyebabkan terdapat batasan kuasa dan perundangan kerajaan persekutuan terhadap pengurusan harta baitulmal bagi negeri-negeri di Malaysia. Bagi wakaf pula, seawal tahun 70-an, kajian mengenai pengurusan dalam konteks Malaysia pernah dijalankan oleh Chowdhury, Muhammad dan Yasoa (1970). Kajian mereka berkisar kepada masalah pengurusan harta wakaf serta penyelesaiannya. Sementara itu, satu kajian terkini berkaitan wakaf di peringkat global telah dibuat oleh McChesney (2014) dan hasilnya telah ditulis secara terperinci menerusi buku bertajuk *“Waqf in Central Asia: Four hundred years in the history of a Muslim shrine, 1480-1889”*. Kajian beliau adalah berkaitan sejarah dan peranan institusi wakaf di Asia Tengah dalam tempoh 400 tahun, iaitu dari 1480-an hingga 1880-an.

Dalam membicarakan mengenai tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal, aspek pemahaman ekonomi Islam perlu dijadikan sebagai asas. Ini adalah kerana prinsip pengoperasian ketiga-tiga aspek berkenaan melibatkan aturan sistem ekonomi Islam yang berbeza dengan sistem ekonomi konvensional. Dalam sistem ekonomi konvensional, perbincangan mengenai wakaf, zakat dan baitulmal telah dikaitkan dengan *“endowment”*, cukai dan bank pusat. Manakala sistem tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan Islam perlu dipasak dengan asas dalam ekonomi Islam itu sendiri, iaitu elemen keadilan sosial. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Shafi (1979), keadilan sosial ini bertujuan untuk membantu mengurangkan jurang di antara yang kaya dan miskin. Agama Islam amat menitikberatkan keadilan sosial kerana melalui objektif ini kesejahteraan ummah secara keseluruhannya akan dapat dinikmati secara samarata. Nikmat ini mustahil dapat dicapai melalui amalan sistem ekonomi konvensional yang berasaskan pemahaman Barat yang tidak selari dengan objektif Islam (Hameed dan Yaya, 2005). Sistem ekonomi konvensional bertunjangkan sistem ekonomi kapitalis yang lebih menekankan kesejahteraan dari sudut kebendaan dan bermotifkan keuntungan kepada sesuatu pihak semata-mata. Sebaliknya dalam memastikan keadilan sosial, sistem ekonomi Islam amat menekankan prinsip keadilan, keikhlasan dan beretika. Sehubungan itu, keperluan syariah perlu diikuti sepenuhnya oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal dengan tidak melakukan perkara haram, tidak memanipulasi, tiada riba dan tiada unsur-unsur perjudian demi kesejahteraan fizikal, mental dan rohani.

Ketidakpatuhan ke atas syariah Islam oleh sistem ekonomi konvensional menyebabkan Islam tidak mengiktiraf beberapa item perakaunan. Sebagai contoh, hutang ragu (Clarke, Craig dan Hamid, 1996). Dalam konteks konvensional, sebarang hutang boleh diberikan peruntukan hutang ragu jika dapat diyakini si berhutang tidak mampu membayar kembali hutangnya. Namun, dalam konteks Islam, hutang tetap akan menjadi hutang yang wajib dibayar oleh si peminjam dalam apa jua keadaan. Menurut Ahmad dan Badran (2010), pensyariaan transaksi hutang dapat dilihat melalui Al-Quran, As-Sunnah dan ijma'. Adapun Al-Quran telah membicarakan dengan banyak sekali perbincangan tentang hutang. Antaranya, firman Allah S.W.T.:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۖ وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan.

(Al-Baqarah: 245)

حَدَّثَنَا أَبُو الطَّاهِرِ، أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ سَرِّحٍ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، عَنْ مَالِكِ بْنِ، أَنَسٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ، عَنْ أَبِي رَافِعٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَسْلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا فَقَدِمَتْ عَلَيْهِ إِبِلٌ مِنْ إِبِلِ الصَّدَقَةِ فَأَمَرَ أَبُو رَافِعٍ أَنْ يَقْضِيَ الرَّجُلُ بَكْرَهُ فَرَجَعَ إِلَيْهِ أَبُو رَافِعٍ فَقَالَ لَمْ أَجِدْ فِيهَا إِلَّا خَيْتَارًا رَبَاعِيًّا . فَقَالَ " أَعْطِهِ إِيَّاهُ إِنَّ خَيْتَارَ النَّاسِ أَحْسَنُهُمْ قَضَاءً " .

Dari sudut penglihatan As-Sunnah pula seperti perbuatan Nabi S.A.W. yang telah diriwayatkan oleh Abu Rafi' ra, bahawasanya Rasul S.A.W. pernah meminjam seekor unta daripada seorang lelaki. Aku datang menemui beliau membawa seekor unta dari sedekah. Beliau menyuruh Abu Rafi' untuk mengembalikan unta milik lelaki tersebut. Abu Rafi' kembali kepada beliau dan berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W.! yang aku dapatkan hanyalah seekor unta ruba'i terbaik?" lalu beliau bersabda: "Berikan saja kepadanya. Sesungguhnya orang yang terbaik adalah yang paling baik dalam mengembalikan hutang".

(HR. Al-Muslim, 1600 a)

Selain dari Al-Qur'an dan sunnah, Ahmad dan Badran (2010) juga menyatakan bahawa terdapat persepakatan daripada ijma' yang mengatakan bahawa transaksi hutang adalah harus. Hal ini demikian disabitkan melalui sejarah Nabi Muhammad S.A.W. yang mempunyai tabiat manusia biasa iaitu berhutang. Contohnya dalam memenuhi keperluannya, baginda kadang-kadang memiliki keperluan yang mengharuskan dirinya untuk berhutang atau meminjam kepada orang lain yang mempunyai kelengkapan. Semua peristiwa mempunyai pengajaran dan pelajaran bagi umat islam tentang bagaimana etika baginda dalam bermuamalah dengan perkara tersebut. Di antara hadith yang menunjukkan bahawa baginda juga pernah berhutang ialah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ. رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ. أَنَّ رَجُلًا، تَقَاضَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَغْلَظَ لَهُ، فَهَمَّ أَصْحَابُهُ، فَقَالَ " دَعُوهُ، فَإِنَّ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقَالًا. وَاشْتَرَوْا لَهُ بَعِيرًا، فَأَعْطَوْهُ إِيَّاهُ ". وَقَالُوا لَا نَجِدُ إِلَّا أَفْضَلَ مِنْ سِنِّهِ. قَالَ " اشْتَرَوْهُ فَأَعْطَوْهُ إِيَّاهُ، فَإِنَّ خَيْرَكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً ".

Ada seorang laki-laki datang kepada Rasulullah untuk menagih hutang kepada beliau, namun orang tersebut memintanya dengan nada keras yang membuat para sahabat beliau marah. Lantas Nabi berkata, "Biarkan saja, sesungguhnya si empunya hak memiliki hak untuk mengatakan apa saja, belikan unta untuknya dan berikan kepadanya". Para sahabat berkata, "Kami tidak mendapatkan unta yang sepadan, melainkan yang lebih baik dari untanya". Nabi berkata, "Beli saja unta itu dan berikan kepadanya, sesungguhnya sebaik-baik kalian adalah yang paling baik dalam pengembalian (hutang)".

(HR. Al- Bukhari: 2390)

Selain itu, hadith riwayat Bukhari dari sahabat Jabir bin Abdilllah yang mengatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ. رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا. قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ. قَالَ مِسْعَرُ أَرَاهُ قَالَ صَحِي. فَقَالَ. وَكَانَ لِي عَلَيْهِ دَيْنٌ فَقَضَانِي وَزَادَنِي. " صَلِّ رَكْعَتَيْنِ "

"Aku mendatangi Nabi yang waktu itu sedang berada di Masjid, dimana beliau memiliki hutang kepadaku. Kemudian beliau melunasi hutang itu dan menambahkannya."

(HR. Al-Bukhari: 2394)

Hadith di atas jelas memberikan pengajaran bahawa Nabi Muhammad S.A.W. juga pernah melakukan transaksi hutang dengan orang lain untuk memenuhi keperluan dan keinginannya. Di samping itu, baginda juga telah memberikan petunjuk bahawa orang yang paling baik saat melangsaikan hutangnya ialah orang yang melebihi dari jumlah pinjamannya, selama kelebihan itu murni atas inisiatif dari dirinya dan bukan syarat yang diberikan oleh orang yang meminjamkannya. Kerana jika lebihan itu merupakan syarat yang diberikan oleh pihak yang meminjamkan, tambahan tersebut akan dikategorikan sebagai riba.

Dalam hal pelunasan hutang ragu pula, sudut perakaunan Islam dan konvensional sangat berbeza. Sistem perakaunan konvensional mengkehendaki bahawa hutang yang masih belum dilunaskan selepas beberapa tahun amat diragui. Walau bagaimanapun, dari pandangan Islam terdapat hadith yang menyatakan bahawa ketika sesuatu transaksi hutang itu berlaku, seseorang itu mula mempunyai tanggungjawab untuk melangsaikan hutang tersebut. Sekiranya hutang tersebut tidak sempat dijelaskan ketika di dunia ini, maka ianya akan terus dibawa ke hari pengadilan di akhirat kelak. Perkara ini adalah selaras dengan sabda Rasulullah S.A.W. melalui ayat:

عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم الله عليه وسلم قال: "نفس المؤمن معلقة بدينه حتى يقضي عنه" ((رواه الترمذي وقال: حديث حسن)).

Daripada Abu Hurairah r.a sabda Rasulullah S.A.W.: "Jiwa orang mukmin itu tergantung dengan hutangnya (iaitu dia belum dihukum sama ada kebajikannya atau kejahatannya) sehinggalah dia menjelaskan hutangnya.

(Riyad as-Salihin, Hadith 943)

Menerusi ayat di atas, Rasulullah S.A.W. mengingatkan bahawa melangsaikan hutang adalah wajib bagi orang yang berhutang ketika hidup. Ini adalah kerana apabila seseorang yang berhutang itu meninggal dunia dan masih menanggung hutang, rohnya akan tergantung di antara langit dan bumi sehingga hutang itu dilangsaikan. Dengan ini, kita dapati bahawa terdapat perbezaan yang amat ketara di antara sistem ekonomi Islam dan konvensional dalam memberi layanan terhadap kes hutang ragu. Tetapi, bagaimanakah perkara ini di perakaunkan oleh institusi yang terlibat apabila terdapat hutang yang dijangka tidak dapat dikutip semula? Berkemungkinan terdapat institusi wakaf, zakat dan baitulmal yang masih menggunakan pendekatan konvensional dengan menganggar dan merekod transaksi hutang ragu. Begitu juga dijangkakan layanan ke atas isu-isu pelaporan kewangan dan perakaunan Islam yang lain. Setakat ini, kita masih belum dapat memastikan sejauh manakah institusi wakaf, zakat dan baitulmal memenuhi tuntutan syariah ke atas hal amalan tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan. Dalam hal ini, satu fatwa perlu dibuat dalam menjelaskan isu berkenaan kerana wujudnya percanggahan di antara amalan perakaunan konvensional dan sistem perakaunan yang mengikut syarak. Bagi membolehkan perkara di atas dilaksanakan secara berkesan, usaha yang sewajarnya perlu dilakukan untuk menjalankan kajian terperinci dalam mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh institusi-institusi yang menguruskan wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Perenggan seterusnya akan menjelaskan bagaimana objektif berkenaan dapat dicapai melalui kajian ini.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti yang disarankan oleh Creswell (2007). Menurut Merriam (2009), penggunaan pendekatan "*Generic Inquiry Method*" dalam kajian berbentuk kualitatif adalah bersesuaian dengan objektif kajian seperti yang difokuskan dalam kajian ini. Bagi maksud tersebut, empat buah MAIN di Semenanjung Malaysia telah dipilih untuk menjadi kajian kes. Ia dipilih dengan mengunapakai persampelan seragam seperti yang dinyatakan oleh Patton (2002) dan Padgett (2008), iaitu untuk mendapatkan maklumat terperinci dari institusi berkaitan pengurusan dana atau harta wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Data-data primer dan sekunder telah diperolehi melalui kaedah penyelidikan dokumentasi dan temu bual (Creswell, 2007; Merriam, 2009). Laporan kewangan tahunan MAIN dan Lembaga Zakat bagi tiga tahun terkini iaitu 2014, 2015 dan 2016 telah menjadi sumber data untuk diteliti dan dianalisis kandungannya. Selain menganalisis laporan kewangan, 12 orang pegawai perakaunan yang bertanggungjawab iaitu akauntan dan wakil pengurusan dari MAIN dan Lembaga Zakat telah ditemu bual bagi mengenalpasti isu-isu penting berkaitan pelaporan kewangan dan perakaunan. Selain itu, lima pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan wakaf, zakat dan baitulmal di institusi berkenaan turut ditemubual. Bilangan tersebut telah menjadikan jumlah keseluruhan peserta kajian ini seramai 17 orang. Semua perbualan berkenaan telah dirakam dengan menggunakan perakam suara bagi dijadikan transkripsi supaya dapat dianalisis oleh penyelidik. Proses temubual ini telah dijalankan pada pertengahan tahun 2017 bagi memastikan maklumat yang diperolehi dan isu-isu yang terkini dapat dikenalpasti. Semua data yang terkumpul seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan seperti yang dicadangkan oleh Miles & Huberman, 1994, Silverman, 2001 dan Merriam, 2009.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perenggan ini akan membincangkan tentang isu-isu utama yang telah dikenalpasti oleh para peserta kajian ini berkaitan dengan tadbir urus, pelaporan dan perakaunan di empat buah MAIN terpilih.

Perbezaan Struktur dan Model Tadbir Urus

Data menunjukkan bahawa punca dan bidang kuasa institusi wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengurus dana atau harta yang diamanahkan tertakluk pada enakmen dan rang undang-undang di bawah undang-undang tubuh masing-masing. Berdasarkan semakan, keempat-empat buah MAIN memiliki kuasa mutlak terhadap pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal kecuali bagi negeri (A) yang mana lembaga zakatnya adalah merupakan sebuah entiti yang berasingan daripada MAIN. Lembaga Zakat bagi negeri (A) ini memiliki kuasa

sepenuhnya dalam mentadbir urus aspek zakat yang dikutip di negeri tersebut. Bagi negeri (B) pula, urusan zakat dikutip oleh sebuah entiti yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat. Negeri-negeri lain iaitu (C) dan (D), aspek wakaf, zakat dan baitulmal ditadbir urus oleh MAIN masing-masing yang mana tiada anak syarikat mahupun sebuah entiti lain yang berasingan ditubuhkan khusus untuk mentadbir mana-mana aspek yang berkaitan. Ini bermakna, terdapat perbezaan dari segi struktur dan model pentadbiran di antara MAIN yang terlibat.

Perbezaan model pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal bagi setiap negeri yang dikaji boleh menimbulkan isu mengenai sejauh manakah kecekapan setiap institusi berkenaan dalam mentadbir urus aspek yang berkaitan. Susulan itu, timbul pula persoalan dikalangan MAIN dalam memilih model manakah yang paling cekap, iaitu sama ada tiga aspek yang berbeza iaitu wakaf, zakat dan baitulmal wajar diurus secara berpusat oleh sebuah entiti sahaja atau terdapat keperluan dari segi syariah untuk mewujudkan entiti-entiti yang berbeza untuk setiap aspek yang berbeza? Isu ini timbul memandangkan terdapat kebarangkalian wujudnya perbezaannya kecekapan dalam mentadbir urus aspek wakaf, zakat dan baitulmal oleh institusi-institusi yang dikaji disebabkan perbezaan dalam model pengurusan masing-masing. Sehingga kini, sepengetahuan para penyelidik tiada kajian khusus yang mengkaji secara mendalam kecekapan bagi setiap model institusi yang mentadbir urus wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengenalpasti model terbaik dalam mentadbir urus ketiga-tiga aspek ekonomi umat Islam yang penting ini.

Satu lagi isu yang cukup penting mengenai perbezaan model tadbir urus adalah berkenaan dengan struktur yang melibatkan perjawatan tertinggi bagi pegawai yang bertanggungjawab menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan Islam di institusi berkenaan. Berasaskan dapatan kajian, setiap perjawatan adalah berbeza berasaskan skim masing-masing. Apa yang mengejutkan, data menunjukkan bahawa terdapat pegawai yang menyediakan pelaporan kewangan yang bukannya berasaskan skim akauntan iaitu gred N. Gred jawatan N telah diwujudkan di dalam perkhidmatan awam bagi perkhidmatan pentadbiran. Meskipun mereka ini memiliki latar belakang pendidikan perakaunan dan terlibat secara langsung dalam urusan penyediaan pelaporan kewangan dan perakaunan Islam, namun gred W tidak diwujudkan di institusi berkenaan. Ia tidak menggambarkan kepakaran mereka dalam mengurus kewangan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Misalnya, jawatan akauntan digelar sebagai pegawai tadbir gred N41. Kajian ini berpendapat bahawa, perkara ini boleh memberi kesan negatif terhadap kualiti laporan kewangan yang dihasilkan serta motivasi kerja secara tidak langsung kepada mereka. Ini adalah kerana peluang dalam mempertingkatkan pengetahuan melalui latihan yang berterusan berkaitan dengan perakaunan adalah kurang bagi gred N berbanding W. Selain itu, terdapat perbezaan dalam struktur gaji di antara pegawai yang memegang gred N dan gred W. Gred yang dilantik tidak mengikut kelayakan gred gaji yang setaraf boleh menyebabkan akauntan-akauntan berkenaan tidak dilantik mengikut gred gaji yang sepatutnya. Tambahan lagi, peluang kenaikan pangkat juga dalam kalangan mereka adalah rendah. Gred gaji yang diterima masih di takuk lama meskipun sudah begitu lama bekerja di institusi wakaf, zakat baitulmal berkenaan. Menurut peserta kajian, perkara ini telah memberi kesan tidak baik terhadap motivasi dalam menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan yang berkualiti bagi insitusi wakaf, zakat dan baitulmal.

Perbezaan dalam perakaunan dan pelaporan kewangan

Selain itu, data menunjukkan bahawa perbezaan dalam model tadbir urus boleh memberi impak secara langsung terhadap amalan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi institusi-institusi berkenaan. Misalnya, penyata kewangan mengenai zakat di negeri (A) disediakan secara berasingan berbanding negeri-negeri lain yang menggabungkannya bersama-sama dengan penyata kewangan wakaf dan baitulmal. Ini boleh membuka ruang perbincangan bagi perbezaan yang wujud dari sudut pelaporan kewangan bagi setiap negeri. Ramai peserta kajian memaklumkan bahawa perbezaan ini berlaku kerana tiada piawaian perakaunan yang sama digunakan sebagai asas penyediaan laporan kewangan oleh setiap institusi wakaf, zakat dan baitulmal yang terlibat.

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh **Jadual 1**, piawaian perakaunan yang digunakan oleh keempat-empat buah MAIN dan Lembaga Zakat negeri (A) adalah berbeza. Secara umumnya, kebanyakan MAIN dan Lembaga Zakat negeri (A) menggunakan *Malaysian Private Entity Reporting Standard* (MPERS) dan *Private Entity Reporting Standard* (PERS) bagi klausa-klausa piawaian yang tidak bercanggah dengan syarak. Tidak kurang juga, terdapat MAIN yang mengguna pakai *International Accounting Standard* (IAS). Apa yang menariknya, terdapat juga MAIN yang telah menggunapakai *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) terutamanya piawaian mengenai keperluan pendedahan yang terkandung dalam MPSAS 1 dan MPSAS 2. Memandangkan tiada piawaian khas yang dapat memenuhi keperluan khas pelaporan mereka, setiap MAIN dan Lembaga Zakat negeri (A) telah merujuk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara melalui Amalan Terbaik yang dipersetujui oleh setiap negeri.

Jadual 1: Piawaian Perakaunan Yang Digunakan oleh MAIN A, B, C, dan D dan Lembaga Zakat Negeri A

Negeri	Kategori Institusi	Piawaian Perakaunan	Laporan Disatukan
A	Wakaf	PERS & Amalan terbaik	/
	Baitulmal		
	Zakat	PERS	Berasingan
B	Zakat	PERS & tidak bercanggah dgn syarak	/
	Wakaf	MPERS	/
	Baitulmal		
C	Wakaf	PERS & MPSAS 1,2	/
	Zakat		
	Baitulmal		
D	Wakaf	PERS & IAS	/
	Zakat		
	Baitulmal		

Selain daripada PERS, IAS, MPERS dan MPSAS, berdasarkan temubual yang dijalankan, terdapat juga institusi berkenaan yang menggunakan piawaian yang diwarisi daripada pihak pengurusan terdahulu. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketiadaan prosedur perakaunan dan kewangan yang jelas bagi wakaf, zakat dan baitulmal yang menepati hukum syarak yang telah menyebabkan mereka menyediakan pelaporan kewangan berasaskan pandangan dan interpretasi masing-masing. Keadaan di atas telah mendatangkan kesukaran kepada sesetengah pihak dalam membuat perbandingan dari sudut pelaporan kewangan dan perakaunan antara institusi. Oleh yang demikian, kajian mendapati bahawa satu piawaian perakaunan yang terselaras amat diperlukan bagi membolehkan para pengguna penyata kewangan dapat mentafsir dan memahami serta membandingkan antara institusi wakaf, zakat dan baitulmal berkenaan.

Isu Pendedahan

Isu pendedahan bagi aktiviti wakaf, zakat dan baitulmal adalah merupakan isu yang paling kerap dibincangkan oleh para peserta kajian. Isu pendedahan ini timbul dalam konteks sensitiviti negara Malaysia, ekoran kemajmukan pelbagai etnik dan kaumnya. Isu pendedahan maklumat berkaitan pengurusan kewangan harta-harta agama Islam dianggap cukup penting kerana ia boleh mencetuskan rasa kurang senang dan perdebatan antara kaum. Menurut kajian terdapat daripada kemungkinan berlakunya salah tanggapan kaum-kaum lain terhadap institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana kurangnya pemahaman tentang fungsi institusi berkenaan wakaf kalangan masyarakat bukan beragama Islam. Di sini letaknya punca kepada percanggahan pendapat sama ada sesuatu maklumat itu perlu didedahkan atau sebaliknya perlu dirahsiakan. Dalam keadaan ini, bagaimana institusi wakaf, zakat dan baitulmal dapat memberi maklumat yang mencukupi buat pemegang taruh walhal terdapat elemen kerahsiaan yang membuat mereka terpaksa tidak mendedahkan maklumat-maklumat tertentu? Terdapat dilema yang dihadapi oleh para akauntan dalam menguruskan perkara ini.

Selain sensitiviti, peserta kajian juga memaklumkan bahawa perkara ini berlaku disebabkan tahap kerahsiaan bagi sesetengah transaksi yang memainkan peranan penting dalam memastikan maklumat yang didedahkan tidak tersalah tafsir oleh pemegang taruh. Isu ini lebih ketara dalam hal kutipan dan agihan wang zakat berbanding dana lain kerana mengikut syaria Islam, kutipan dana hendaklah diserahkan kepada asnaf seberapa segera. Misalnya, dalam konteks hartanah pelaburan bagi dana zakat. Ia boleh mencetuskan polemik dikalangan sesetengah pemegang taruh kerana apabila institusi berkenaan terikat dalam aktiviti pelaburan ia dianggap seolah-olah institusi zakat berkenaan tidak mengagihkan wang zakat kepada asnaf sebagaimana yang ditetapkan oleh agama Islam. Polemik sebegini akan mewujudkan rasa curiga dan mengurangkan keyakinan pemegang taruh terhadap institusi zakat. Oleh itu, sebarang pendedahan yang akan dibuat dalam penyata kewangan perlu diteliti secara terperinci kerana ketidakwajaran sesuatu pendedahan kepada aktiviti yang boleh membawa implikasi negatif terhadap institusi zakat yang seterusnya akan mencetuskan suasana yang tidak harmoni buat kemaslahatan umat Islam.

Misalnya, maklumat dalam **Jadual 2** berikut menunjukkan amalan semasa pengurusan zakat termasuklah agihan zakat kepada asnaf dan peratusan agihan yang tidak sama banyak bagi setiap negeri. Secara perbandingan, maklumat ini boleh menimbulkan persoalan seolah-olah pengiraan agihan zakat itu tidak saksama sebagaimana yang ditetapkan oleh syaria mengikut setiap asnaf. Walhal dalam keadaan sebenar ia telah mengikut keperluan bagi setiap asnaf. Sebagai contoh, peratusan agihan zakat di negeri (D) hanyalah sekitar 62 peratus sahaja berbanding 96 peratus di negeri (B) daripada jumlah kutipan bagi kedua-dua buah negeri. Dalam keadaan sebenar,

perbezaan ini berlaku disebabkan jumlah kutipan zakat adalah tinggi di penghujung tahun berikutan pembayar zakat ingin mendapatkan rebat bagi cukai pendapatan individu. Jadi, kutipan wang zakat tersebut tidak dapat diagihkan pada tahun semasa dan dibawa ke tahun berikutnya. Sebagai bukti, di negeri (A) agihan kutipan pada tahun 2014 hanyalah 94 peratus daripada jumlah kutipan zakat, manakala pada tahun 2015 jumlah agihannya adalah sebanyak 112 peratus. Ini bermaksud wang zakat yang dikutip pada penghujung tahun 2014 telah dibawa ke tahun 2015 untuk diagihkan.

Dalam konteks wakaf pula, kajian mendapati bahawa tidak semua harta yang diwakafkan telah didedahkan dalam penyata kewangan tahunan institusi. Amalan semasa yang tidak mendedahkan sebahagian dari harta wakaf telah ditegur oleh Jabatan Audit Negara. Dalam maklumbalas yang diterima daripada beberapa peserta kajian, mereka memaklumkan bahawa ia berlaku kerana institusi tersebut mempunyai terlalu banyak aset untuk didedahkan. Temubual dengan peserta kajian yang lain pula memaklumkan bahawa mereka berpendapat tidak semua aset wakaf perlu didedahkan. Hal ini berlaku sedemikian kerana terdapat persoalan tentang sejauh manakah relevannya maklumat mengenai aset itu didedahkan kepada pemegang taruh. Terdapat dua persoalan penting yang timbul susulan daripada isu pendedahan ini iaitu, yang pertama, adakah pemegang taruh benar-benar ingin mengetahui segala aktiviti institusi wakaf, zakat dan baitulmal dan yang kedua, adakah pendedahan hanya perlu dibuat terhadap transaksi-transaksi yang dianggap penting oleh sesetengah individu sahaja?.

Jadual 2: Amalan Semasa Pengurusan Zakat

ISU	Negeri A	Negeri B	Negeri C	Negeri D
Pembahagian	7 asnaf	7 asnaf	7 asnaf	8 asnaf
Agihan	Tidak sama banyak			
% Agihan	94% (2014) 112% (2015)	96% (2014)	92% (2014)	62% (2014)
Tawaqquf* / lebih	RM14 juta	RM48 juta* / RM3.2 juta	RM10.2 juta	RM 61.5 juta
Agihan kpd amil/ Agen Kutipan*	1/8 3/8*	1/8		1/8
Keputusan Fatwa	Ahli Lembaga Zakat Negeri	Majlis Fatwa Negeri	Majlis Fatwa Negeri	Majlis Fatwa Negeri
Pendedahan	Kumpulan Zakat	Kumpulan wang amanah/Penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan	Kumpulan wang Baitulmal	Kumpulan wang zakat dan fitrah

Penilaian Semula Aset

Isu penilaian semula aset timbul ekoran daripada tafsiran dan pandangan yang berbeza bagi setiap institusi wakaf, zakat dan baitulmal negeri yang dikaji. Secara asasnya, institusi wakaf, zakat dan baitulmal bukanlah institusi komersial yang ditubuhkan untuk mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin tetapi ia adalah sebuah institusi yang diamanahkan untuk menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam. Dengan mengambilkira perkara ini, sebahagian daripada peserta kajian berpendapat bahawa penilaian semula aset terutama berkaitan harta wakaf yang mana diperoleh secara percuma oleh MAIN adalah tidak perlu. Pada pendapat mereka, adalah tidak wajar untuk aset berkenaan dinilai semula kerana aset berkenaan tidak dibeli oleh MAIN. Malah, terdapat aset wakaf yang berbentuk wakaf khas untuk tujuan khusus seperti tanah perkuburan dan pembinaan masjid yang tidak memiliki nilai komersial. Maka adakah wajar penilaian semula terhadap aset- aset tersebut dilakukan? Pada masa yang sama, aktiviti penilaian semula nilai aset selalunya akan melibatkan kos yang tinggi buat institusi. Selain itu, terdapat persoalan asas berkaitan dengan isu ini, iaitu tentang sejauh manakah nilai aset-aset berkenaan perlu diukur dan didedahkan pada nilai saksama untuk memberikan gambaran sebenar kepada pemegang taruh? Justeru, terdapat dilema mengenai keperluan penilaian semula bagi aset-aset berkaitan wakaf. Kajian ini berpendapat bahawa pertimbangan sewajarnya perlu diberikan dalam menyelesaikan isu ini secara adil dan saksama. Hal ini kerana Islam adalah agama yang sangat menjaga keseluruhan aspek kehidupan manusia.

Salah satu aspek yang dititikberatkan dalam Islam yang melibatkan aspek kehidupan manusia adalah berkaitan dengan hal pengurusan harta. Tambahan pula, harta yang diuruskan itu adalah merupakan harta amanah. Berkaitan hal ini, Khin, Bugha, & Ali

Asy Syarbaji (2008) menyatakan bahawa isu cagaran (dhoman) telah dibahaskan di bawah perbincangan benda atau orang yang menjamin (yad ad-dhoman) tentang nilai yang perlu diganti bagi sesiapa yang merosakkan sebarang harta amanah. Hal ini memberikan impak yang besar dalam penilaian semula setiap aset dalam sistem perakaunan Islam yang mana sekiranya barang yang diamanahkan itu rosak dalam tanggungan. Hal ini telah dijelaskan melalui hadith Rasulullah S.A.W.:

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، وَسَلَمَةُ بْنُ شَبِيبٍ، قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، حَدَّثَنَا شَرِيكٌ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ رُقَيْعٍ، عَنْ أُمِّئَةَ بْنِ صَفْوَانَ بْنِ أُمِّئَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعَارَ مِنْهُ أَدْرَاعًا يَوْمَ حُنَيْنٍ فَقَالَ أَغْصَبُ يَا مُحَمَّدُ فَقَالَ " لَا بَلْ عَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ " . قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَهَذِهِ رِوَايَةُ يَزِيدُ بِبَغْدَادَ وَفِي رِوَايَتِهِ بِوَاسِطَ تَغْيِيرٍ عَلَى غَيْرِ هَذَا

"Nabi Muhammad S.A.W. pernah meminjam perisai-perisai dari Shafwan bin Umayyah radhiallahu'anhu. Shafwan berkata kepada Nabi: Apakah sebagai harta rampasan? Nabi bersabda: Bukan, ini adalah pinjaman yang dijamin pengembaliannya"

(Sunan Abi Dawud, Hadith 3555)

Hadith di atas menunjukkan bahawa dari segi pengukuran nilai ganti rugi yang perlu digantikan oleh si pemegang amanah, sekiranya kerosakkan telah dibuat pada barang yang diamanahkan tersebut, maka si pemegang amanah perlulah dikenakan had dhoman. Khin, Bugha, & Ali Asy Syarbaji (2008) berpendapat bahawa nilai pengukuran ganti rugi mestilah dikira berdasarkan hari barang itu dirosakkan iaitu nilai yang adil padanya. Keadaan di atas membuktikan bahawa setiap aset perlu dinilai pada nilai saksama dalam perakaunan Islam. Ini menunjukkan betapa agama Islam menitikberatkan aspek keadilan dalam perletakkan nilai semua aset yang diamanahkan termasuklah dalam hal aset yang dinilai semula.

KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan tentang isu-isu utama berkaitan dengan tadbir urus, amalan perakaunan dan pelaporan termasuk isu pendedahan dan penilaian semula aset di empat institusi yang menguruskan wakaf, zakat dan baitulmal di keempat-empat buah negeri di Malaysia. Berkenaan dengan tadbir urus, struktur dan model yang berbeza telah diamalkan di negeri-negeri tersebut, secara khususnya, terdapat negeri yang mengasingkan urusan pentadbiran zakat dengan institusi yang mentadbir urus wakaf dan baitulmal. Terdapat juga negeri yang menggabungkan tadbir urus wakaf, zakat dan baitulmal di bawah satu bumbung MAIN. Persoalannya, model yang manakah lebih bersesuaian dan cekap untuk diamalkan oleh MAIN dalam menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan Islam. Selain itu, isu gred pegawai yang terlibat dalam menyediakan pelaporan kewangan dan perakaunan bagi MAIN juga perlu diselaraskan berasaskan kelayakan yang dimiliki. Ini bagi memastikan layanan yang adil kepada semua pegawai kewangan yang telah dilantik oleh MAIN berikutan tanggungjawab yang sama di kalangan mereka. Apa yang lebih penting, perbezaan ini telah memberi implikasi kepada amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang berbeza.

Sebagai kesan langsung kepada perbezaan model tadbir urus dan pelaporan kewangan, kajian ini mendapati bahawa ia telah mendatangkan impak kepada isu pendedahan yang perlu diberi perhatian utama oleh MAIN. Isu ini perlu disemak secara teliti adalah kerana ia melibatkan sensitiviti dalam kalangan masyarakat. Ia mampu untuk membawa kepada salah tanggapan dalam kalangan pengguna penyata kewangan terutamanya golongan bukan Islam. Dalam masa yang sama, kajian ini turut menyentuh tentang isu penilaian semula aset yang boleh memberi implikasi besar terhadap kedudukan kewangan MAIN dan lembaga zakat. Ini berikutan terdapat sesetengah aset yang dimiliki atau diamanahkan kepada MAIN yang tidak mempunyai nilai komersial seperti tanah-tanah wakaf khas untuk tanah perkuburan dan pembinaan masjid. Maka, terdapat persoalan yang timbul mengenai isu ini iaitu adakah wajar aset-aset tersebut dinilai semula walaupun ia akan melibatkan kos penilaian yang cukup tinggi?

Perbincangan makalah ini hanya terhad kepada empat isu utama. Masih terdapat ruang yang luas untuk mengenalpasti dan membincangkan isu-isu lain yang melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. Tambahan pula, kajian ini hanya terhad kepada empat buah negeri sahaja. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya boleh diperluaskan kepada negeri-negeri lain di Malaysia menerusi data yang lebih terperinci yang boleh didapati melalui temubual dengan pakar-pakar dalam bidang tadbir urus, pelaporan kewangan dan perakaunan Islam.

Namun demikian, secara keseluruhannya, kajian ini memberi platform kepada penyelidik dan ilmuwan dalam bidang wakaf, zakat dan baitulmal agar menjalankan kajian lanjutan ke atas persoalan-persoalan baru dalam konteks seperti yang dinyatakan di atas. Hasil

kajian ini juga perlu diteliti oleh para pengamal perakaunan dan pengurusan di institusi yang berkaitan tentang bagaimana isu-isu ini dapat ditangani melalui pendekatan yang bersesuaian bagi menjaga kemaslahatan pihak berkepentingan termasuklah penyedia pelaporan kewangan, pemegang taruh dan umat Islam di Malaysia. Perkara ini penting bagi memastikan aktiviti pengurusan dana wakaf, zakat dan baitulmal dapat memenuhi tuntutan ajaran Islam agar nikmat kesejahteraan itu dapat dikecapi oleh keseluruhan ekosistemnya, serta masyarakat amnya.

RUJUKAN

- Ahmad Fathi, A., Hairunnizam, W., Mohd Ali, M. N., 2017. Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Johor (Efficiency of Financial and Zakat Distribution Management: A Study at Johor Islamic Religious Council). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 4 (3), 52 – 66.
- Arif, G.M., 2006. Targetting Efficiency of Poverty Reduction Programs in Pakistan, *Working Paper No.4 Pakistan Resident Mission Working Paper Series Assian Developement Bank*, Islamabad.
- Bryman, A. 2008. *Social Research Methods*, 3rd edn, Oxford University Press, Oxford.
- Chowdhury, M.S.R., Chowdhury, I.A., Muhammad, M.Z. and Yasoa, M.R., 1970. Problems of waqf administration and proposals for improvement: a study in Malaysia. *The Journal of Internet Banking and Commerce*, 17(1), pp.1-8.
- Clarke, F., Craig, R. & Hamid, S. 1996. *Physical asset valuation and zakat: Insights and implications*, *Advances in International Accounting*, 9, pp. 195-208.
- Creswell, J.W. 1994. *Research Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*, 2nd edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Eza Ellany, Mohd Rizal & Mohamat Sabri. 2014. Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan dalam kalangan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48 (2), 51-60.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader 2009. *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?* *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 89-112.
- Hameed, S. and Yaya, R. 2005. *The Objectives and Characteristics of Islamic Accounting for Islamic Business Organizations*, *Malaysian Accounting Review*, 4(1): 75-92.
- Kaslam, S., 2009. Governing Zakat as a social institution: the Malaysian perspective. *Social and Management Research Journal*, 6(1), pp.15-32.
- Kenneth Pereire (Research Analyst ICPVTR, RSIS), 2007. *Muslim Charities in Southern Thailand and The Need for Countering Terrorism-Financing Legislation to Insurgency Funding*.
- Khin, M. al, Bugha, M. al, & Ali Asy Syarbaji. 2008. *Fiqh al-Manhaji*, 9th edn., Dar al-Qalam, Dar al-Salam, Damsyik.
- Mahyuddin Abu Bakar 2012, *Hubungan Antara Agihan Zakat dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*, Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- McChesney, R.D., 2014. *Waqf in Central Asia: Four hundred years in the history of a Muslim shrine, 1480-1889*. Princeton University Press.
- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. and Huberman, A. 1994. *Qualitative Data Analysis*, 2nd edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Muhammad Ahmad Siraj & Ahmad Jabir Badran 2010. *Mausu'ah Fatawa al-Muamalat al-Maliyyah*, Dar al-Salam, al-Kaherah.
- Muhd. Ramadhan Fitri Elias. 2015. *Industri Kewangan Islam Tagih Tenaga Pakar*. Retrieved from <http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content>
- Padgett, D.K. 2008. *Qualitative Methods in Social Work Research*, 2nd edn, Sage Publications, Los Angelas.